

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATUK JUMAT BIN IDRIS
[SEPANGGAR]**

TARIKH : 19 OKTOBER 2015 (ISNIN)

SOALAN :

YB Datuk Jumat bin Idris [Sepanggar] minta PERDANA MENTERI menyatakan berapakah bilangan projek dan jumlah rumah yang sedang dan akan dibangunkan di kawasan Kota Kinabalu dan Sepanggar oleh PR1MA.

JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA DATO' OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Anggota Perbadanan PR1MA telah meluluskan sebanyak 23,990 unit rumah PR1MA yang terdiri daripada 20 projek untuk dibina di seluruh negeri Sabah. Antara lokasi-lokasi yang telah dikenalpasti sesuai untuk pembangunan PR1MA ini termasuklah di sekitar Kota Kinabalu, Sepanggar, Sandakan, Tawau, Kota Marudu, Papar, Beaufort, Tuaran, Telipok dan Menggatal. Pada masa ini PR1MA sedang giat melaksanakan pembangunannya bagi 6,092 unit yang melibatkan 8 buah projeknya di sekitar Sandakan, Kota Marudu, Tawau, Papar, Beaufort dan Menggatal. PR1MA juga sentiasa mengalu-alukan sebarang cadangan pembangunan daripada mana-mana pihak dan ianya bolehlah dimajukan kepada PR1MA untuk diteliti kesesuaiannya.

Sekian. Terima kasih.